

UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) menyumbang kira-kira RM60,000 kepada Tabung Rayuan Hari Pahlawan dan Pembebasan Gaza melalui penganjuran Konsert Hari Pahlawan dan Pembebasan Gaza serta kutipan derma daripada kakitangan dan pelajar Universiti ini.

Sumbangan itu juga diperolehi melalui beberapa agensi dan jabatan daripada UUM dan sektor swasta yang sudi menghulur derma dan sumbangan ikhlas mereka bagi membantu membela nasib pahlawan negara dan penduduk Palestin.

Konsert Hari Pahlawan dan Pembebasan Gaza yang menampilkan artis seperti kumpulan nasyid Rabbani, Firdaus, Akim AF7, Maulana AF8 dan Iwan AF8 berjaya menarik lebih 4,000 penonton apabila turut menampilkan pembaca berita TV3, Meor Malek sebagai pengacara konsert amal itu.

Selain sumbangan melalui konsert, penyumbang tabung itu diperolehi daripada agensi dan jabatan UUM serta sektor swasta termasuk daripada Pusat Pendidikan Profesional dan Lanjutan (PACE) UUM, MESB Berhad, Institut Pembangunan Keusahawanan Koperasi (CEDI) UUM, sumbangan Pertandingan Amal Golf SUKSES dan Uniutama Management Holdings Sdn Bhd.

Turut menyumbang ialah R&D Serindit Com UUM Sdn Bhd, Uniutama Property Sdn.Bhd (UPSB), Koperasi UUM Berhad, Koperasi Alumni UUM Berhad, Koperasi Usahawan Siswa UUM, Bank Muamalat, Pusat Pembangunan Eksekutif (PPE) dan sumbangan dari EDC-UUM.

Konsert yang berlangsung selama tiga jam itu, menggabungkan penyanyi daripada program realiti dan kumpulan nasyid berjaya menampilkan kelainan apabila diselang selikan dengan deklamasi puisi Gaza serta persembahan nyanyian daripada Pusat Budaya dan Seni (PBS), UUM.

Dalam persembahan itu, Akim AF7 mendendangkan lagu popularnya, Bengang dan Inilah Cinta, Maulana AF8 dengan lagu RSPV dan Kebahagiaan Dalam Perpisahan sebelum berduet dengan Iwan AF8 dengan lagu Cinta Dalam Hati sebelum Iwan menyanyi lagu yang dipopularkan oleh Faizal Tahir, Sampai Syurga.

Kumpulan nasyid Firdaus mendendangkan lagu Pahlawan Patah Hati dan Ku Berlari di ikuti dengan Rabbani yang memilih lagu Tanpa Agama, Mana Milik Kita serta Intifada yang bermaksud kebangkitan sebagai lagu pilihan yang dianggap sesuai dengan tujuan konsert itu.

Paling istimewa, turut diselitkan segmen khas tayangan multimedia, wakil Malaysia yang terselamat, daripada menjadi mangsa tahanan Israel ketika berlakunya serangan ke atas kapal bantuan kemanusiaan untuk Gaza, wartawan Astro Awani, Ashwad Ismail serta sejarah mengenai *Rachel Corrie*.

Konsert berakhir dengan penyerahan sumbangan daripada penyumbang kepada Pro-Canselor UUM, Tun Dato' Sri (Dr.) Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim disaksikan oleh Naib Canselor UUM Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak,, wakil Penerima Derma Tabung Pembebasan Gaza daripada Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM), Mohyuddin Mohd. Marzuki dan Yang Dipertua Persatuan Bekas Tentera Malaysia Negeri Kedah, Kapten Yusof Yaacob telah menerima sumbangan bagi tabung pahlawan.

Habis.